

# TEORI DAN MODEL DALAM KAJIAN REKA BENTUK BATIK MALAYSIA: SATU ANALISIS LITERATUR SISTEMATIK

(THEORIES AND MODELS IN MALAYSIAN BATIK DESIGN STUDIES: A SYSTEMATIC LITERATURE ANALYSIS)

HARTINI, M. R.<sup>1,2\*</sup> – MUHAMMAD SOPHIST, A.<sup>1</sup> – MAZNI, O.<sup>2</sup> – SITI FAIRUZ, M. H.<sup>2</sup> – NOOR HAFIZA, G.<sup>2</sup> – WAN SOLIANA, W. M. Z.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> *Faculty of Innovative Design and Technology, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu, Malaysia.*

<sup>2</sup> *Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan, Kelantan, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: hartini42[at]uitm.edu.my*

(Received 28<sup>th</sup> October 2025; revised 15<sup>th</sup> December 2025; accepted 23<sup>rd</sup> December 2025)

**Abstrak.** Teori dan model antara pendekatan asas yang digunakan dalam kajian berkaitan reka bentuk batik. Kajian ini menjalankan analisis literatur sistematik menggunakan aliran PRISMA terhadap 13 artikel terpilih dengan meneliti penggunaan serta cadangan teori dan model dalam penyelidikan berkaitan batik Malaysia. Hasil dapatan kajian menunjukkan antara teori tempatan yang di gunakan di dalam kajian terdahulu seperti Teori Estetika Zakaria Ali dan cadangan Model Budaya Lima Komponen, di samping adaptasi teori antarabangsa seperti ikonografi Panofsky, Critical Discourse Analysis (CDA), dan Design Thinking. Perbincangan disusun mengikut empat tema utama: penggunaan teori tempatan, penggunaan teori antarabangsa, cadangan model kontekstual, serta jurang teori dalam kajian sedia ada. Walaupun wujud keseimbangan penggunaan antara teori tempatan dan antarabangsa, masih terdapat kebergantungan terhadap teori luar tanpa adaptasi budaya yang mencukupi. Kajian ini menegaskan keperluan membina dan memperkukuh teori serta model tempatan yang berakar pada nilai budaya tempatan bagi menyokong analisis dalam kajian seterusnya yang lebih sistematik dan menyumbang kepada kelestarian reka bentuk batik Malaysia sebagai warisan budaya negara.

**Katakunci:** *reka bentuk batik Malaysia, teori estetika, model budaya, analisis literature sistematik, warisan budaya*

**Abstract.** Theories and models are among the fundamental approaches used in research related to batik design. This study conducts a systematic literature analysis using the PRISMA flow method on 13 selected articles, examining the application and proposed theories and models in research related to Malaysian batik. The findings reveal that local theories previously used include Zakaria Ali's Aesthetic Theory and the proposed Five-Component Cultural Model, alongside adaptations of international theories such as Panofsky's Iconography, Critical Discourse Analysis (CDA), and Design Thinking. The discussion is organized into four main themes: the use of local theories, the use of international theories, proposed contextual models, and theoretical gaps in existing studies. Although there is a balance between the use of local and international theories, there remains a reliance on foreign theories without sufficient cultural adaptation. This study emphasizes the need to develop and strengthen local theories and models rooted in cultural values to support more systematic analysis in future research and contribute to the sustainability of Malaysian batik design as a national cultural heritage.

**Keywords:** *Malaysian batik design, aesthetic theory, cultural model, systematic literature review, cultural heritage*

## Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan warisan budaya dan memiliki potensi besar untuk menyumbang kepada pendapatan negara, termasuk melalui salah satu hasil seni tradisionalnya, iaitu kraftangan batik (Suhaimi et al., 2023). Seni batik ialah seni pencorakan yang menggunakan lilin serta bahan pewarna daripada warna semula jadi atau pewarna moden. Keunikan seni batik terletak pada reka corak dan kesan yang dihasilkan melalui penggunaan canting, blok batik, dan warna, menjadikan setiap helai kain batik unik dan tidak serupa antara satu sama lain (Ramli, 2024). Selain memiliki nilai keindahan yang tinggi, nilai warisan, dan menjadi lambang seni tradisional dalam pembentukan identiti nasionalisme negara, nilai seni batik juga merupakan asas utama kepada identiti Malaysia sejak berabad-abad lamanya. Keistimewaan seni batik telah ditampilkan sebagai elemen penting dalam mengungkap nilai budaya, warisan seni, dan identiti masyarakat, khususnya di Malaysia (Arifin et al., 2023). Namun, dalam usaha untuk melestarikan seni dan warisan ini, terdapat keperluan untuk memahami peranan teori, model dan pendekatan khusus dalam menjelaskan hubungan antara reka bentuk batik dan aspek budaya, sosial, serta ekonomi. Meskipun terdapat banyak kajian berkaitan batik, didapati terdapat kekurangan dalam penerokaan teori-teori yang digunakan.

Teori merujuk kepada sekumpulan konstruk (konsep), definisi, dan proposisi yang berfungsi untuk memahami fenomena secara sistematik dan menyeluruh melalui penentuan hubungan antara pemboleh ubah, sehingga berguna untuk menjelaskan dan meramalkan fenomena (Kerlinger, 1973). Manakala menurut Cooper dan Schindler (2006) teori ialah satu set konsep, definisi, dan proposisi yang disusun secara sistematik supaya dapat digunakan untuk menjelaskan dan meramalkan sesuatu fenomena. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara sistematik penggunaan teori dan model yang telah diaplikasikan dalam penyelidikan berkaitan reka bentuk batik Malaysia, di samping mengenal pasti cadangan serta potensi pendekatan baharu yang relevan dan sesuai dengan konteks budaya tempatan. Melalui pendekatan ini, kajian bukan sahaja menghimpunkan maklumat secara komprehensif berkenaan landskap teori yang digunakan dalam kajian batik terdahulu, tetapi turut menganalisis kekuatan dan keterbatasan teori serta model sedia ada. Secara tidak langsung, kajian ini menyumbang kepada pembangunan ilmu dalam bidang seni dan reka bentuk dengan memperluas pemahaman terhadap asas teoritikal yang menyokong kajian batik di Malaysia. Di samping itu, dapatan kajian ini juga berpotensi memberi rujukan berguna kepada penyelidik masa hadapan dan pihak industri dalam memperkukuh lagi kefahaman terhadap peranan batik sebagai manifestasi warisan budaya negara yang bernilai tinggi.

## Sorotan literatur

Batik diiktiraf sebagai warisan budaya tak benda oleh UNESCO kerana merangkumi aspek-aspek tradisi lisan, kebiasaan sosial, ritual, dan kemahiran kerajinan tradisional yang mencerminkan kreativiti dan identiti budaya masyarakat. Penegasan ini memberi makna mendalam terhadap bagaimana warisan budaya tidak hanya berbentuk hasil fizikal seperti motif dan produk berasaskan kain batik itu sendiri tetapi juga melibatkan nilai simbolik yang diwariskan dari generasi ke generasi. Cabaran utama termasuk ancaman daripada produk tekstil bermotif batik yang bukan asli, yang memerlukan langkah redefinisi konsep batik untuk melindungi keasliannya. Pendekatan analisis yang menyeluruh menggunakan teori seperti estetika budaya dan model ekonomi kreatif

diperlukan bagi memastikan batik kekal relevan selain dapat memelihara nilai-nilai tradisinya (Widadi, 2019). Dalam bidang seni, teori dan model memainkan peranannya dalam memberikan kefahaman yang sistematik terhadap penghasilan, penafsiran, serta apresiasi terhadap sesebuah karya. Teori merujuk kepada satu rangka kerja konseptual yang berfungsi untuk menerangkan hubungan antara konsep dan fenomena seni, manakala model berfungsi sebagai alat visual atau struktur yang memandu aplikasi teori dalam konteks yang lebih praktikal (Kerlinger, 1973). Teori seperti teori estetika, teori semiotik, dan teori budaya merupakan pendekatan yang telah digunakan dalam memahami bagaimana karya seni berfungsi dalam masyarakat serta bagaimana makna dibina melalui simbol, warna, dan bentuk visual (Kruk et al., 2023; Barrett, 2011). Elemen visual dalam seni boleh membentuk makna dan persepsi melalui pendekatan semiotik, menekankan bahawa gaya dan persembahan visual sama pentingnya dengan kandungan subjek dalam menyampaikan mesej atau makna dalam setiap penghasilan seni. Selain itu, dalam konteks seni bahasa dan visual pula pendekatan semantik dan teori relevan turut memainkan peranan dalam memahami makna dan interpretasi. Menurut Bujang dan Subet (2022) teori yang relevan dapat meningkatkan keberkesanan dalam pengajaran dan analisis seni bahasa dengan menekankan kepekaan terhadap makna implisit yang disampaikan melalui gaya bahasa dan struktur naratif. Kesenambungan dalam pendekatan neuroestetik juga turut dapat memperluas skop dalam teori seni dengan menggabungkan perspektif sains saraf dalam memahami respons estetik terhadap karya seni (Baluku, 2024). Menurut Zeki (2008) menegaskan bahawa pengalaman estetik bukan sahaja ditentukan oleh ciri-ciri visual luaran, tetapi juga oleh reaksi neurologi dalam otak manusia, menjadikan seni sebagai satu bentuk komunikasi yang bersifat universal dan mendalam. Dalam konteks seni tempatan, Model Reka Bentuk Estetik yang mengandungi lima komponen utama: Memori, Keperluan Budaya, Identiti, Hierarki, dan Estetika. Model ini membentuk satu kerangka tempatan yang relevan untuk memahami penghasilan seni berteraskan warisan budaya, sekali gus menjadi panduan praktikal dalam penilaian dan reka bentuk karya seni tempatan seperti batik, ukiran, dan tekstil tradisional. Justeru, teori dan model dalam seni bukan sahaja membantu menjelaskan struktur dan makna dalam karya seni, malah membuka ruang untuk pemahaman silang disiplin antara seni, budaya, psikologi, dan sains, khususnya dalam usaha memelihara, memartabatkan seni dan budaya warisan

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, pendekatan kualitatif dilihat telah menjadi metodologi utama dalam kajian reka bentuk batik, terutamanya dalam menilai hubungan antara reka bentuk batik dengan identiti budaya masyarakat. Menurut Naser et al. (2021) kesedaran budaya dalam seni batik semakin terpinggir dengan menggunakan pendekatan kualitatif, meneroka pembuatan batik tradisional dalam memahami peranan masyarakat tempatan mempertahankan nilai estetika batik. Batik bukan sahaja dilihat sebagai produk seni, tetapi juga sebagai suatu elemen yang amat penting dalam mengekalkan identiti budaya yang dilihat semakin terancam. Penelitian terhadap proses pembuatan batik dan pengaruhnya terhadap identiti budaya juga penting untuk memastikan kelestarian seni ini (Naser et al., 2021). Seiring dengan perkembangan zaman, inovasi dalam reka bentuk batik juga telah diperkenalkan untuk menjadikan batik lebih relevan dalam pasaran moden. Menurut Ariffin dan Yusof (2021) strategi inovasi dalam industri batik, termasuk perubahan dalam corak, teknik pembuatan, dan pendekatan pemasaran yang selaras dengan kehendak pengguna kontemporari. Walaupun batik masih mengutamakan elemen tradisional, terdapat keperluan untuk menyesuaikan reka bentuk batik dengan cita rasa dan permintaan

pasaran semasa. Inovasi ini tidak hanya membantu memodenkan batik, tetapi juga memastikan ia terus dihargai dalam masyarakat yang semakin berkembang. Isu perlindungan harta intelek dalam industri batik tempatan juga kini semakin mendapat perhatian. Menurut Salim (2024) pentingnya strategi perlindungan harta intelek yang lebih berkesan untuk melindungi hak cipta dan paten reka bentuk batik. Ini adalah penting bagi memastikan batik Malaysia tidak terdedah kepada pemalsuan atau peniruan yang boleh merosakkan keaslian dan identitinya. Para penggiat industri batik di Malaysia perlu lebih cakna tentang undang-undang harta intelek yang ada, agar mereka dapat melindungi karya-karya asli mereka daripada eksploitasi yang tidak sah.

Secara keseluruhan, batik bukan sekadar produk seni tekstil, tetapi merupakan lambang warisan budaya tak benda yang mencerminkan identiti, kreativiti, dan nilai simbolik masyarakat tempatan. Pengiktirafan oleh UNESCO memperkukuh perannya sebagai elemen penting dalam pemeliharaan warisan budaya yang merangkumi aspek tradisi lisan, amalan sosial, ritual, dan kemahiran kerajinan. Justeru, pemahaman terhadap batik memerlukan pendekatan teori yang holistik, termasuk teori estetika, teori semiotik, dan teori budaya, yang membolehkan analisis terhadap makna, fungsi sosial, dan persepsi visual dalam seni. Penggunaan model seperti Model Reka Bentuk Estetik oleh Nazlina Nazri salah satu pendekatan menjadi rangka kerja tempatan dalam menilai dan membimbing reka bentuk seni khususnya yang berasaskan warisan tempatan. Pada masa yang sama, pendekatan interdisiplin seperti neuroestetik membuka ruang baharu dalam memahami pengalaman estetik secara saintifik, manakala inovasi digital dan pemodenan reka bentuk membantu memperkukuh kedudukan batik dalam pasaran kontemporari. Namun begitu, cabaran seperti ancaman produk tiruan, kurangnya kesedaran terhadap harta intelek, dan peminggiran nilai budaya masih menjadi isu yang memerlukan perhatian. Oleh itu, teori dan model bukan sahaja memainkan peranan dalam menjelaskan dan menilai seni, malah menjadi asas penting dalam usaha memartabatkan batik sebagai warisan budaya yang relevan dan lestari.

## **Instrumen dan Metod Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah tinjauan literatur sistematik (Systematic Literature Review, SLR), berpandukan kajian-kajian terdahulu yang relevan bagi memperoleh dapatan kajian. Pendekatan ini berasaskan garis panduan Perfect Reporting Items for Systematic Review and Meta-Analyses (PRISMA), yang telah diterapkan dalam kajian-kajian sebelumnya (Kamis et al., 2023; Rahman et al., 2023; Shahbuddin dan Gunardi, 2023). Systematic Literature Review (SLR), atau lebih dikenali sebagai tinjauan literatur sistematik, merupakan satu pendekatan berstruktur yang digunakan untuk mengenal pasti dan menilai kajian secara teliti bagi menjawab serta menangani persoalan penyelidikan dengan berpandukan kerangka PRISMA (Shahbuddin dan Gunardi, 2023). Empat fasa utama dalam kerangka prisma yang digunakan di dalam kajian ini iaitu Pengenalpastian (Identification), Saringan (Screening), Kelayakan (Eligibility) dan Kemasukan (Included). Pendekatan ini bukan sahaja memudahkan pengkaji mengenal pasti kajian yang relevan, malah turut memastikan ketepatan dan kebolehpercayaan dapatan yang disintesis (Mohmad et al., 2023; Shaffril et al., 2019). Dengan pelaksanaan model ini, proses penilaian literatur menjadi lebih telus dan teratur, sekali gus menghasilkan sorotan literatur yang berkualiti dan boleh dijadikan sumber rujukan akademik.

### **Strategi carian sistematik**

Bagi memastikan carian dokumen yang relevan dilakukan secara menyeluruh dan sistematik, penyelidik telah melaksanakan strategi carian sistematik berdasarkan 4 proses: Pengenalpastian, Saringan, Kelayakan dan Kemasukan.

### **Kriteria pemilihan**

Kajian ini menggunakan pendekatan sorotan literatur sistematik Systematic Literature Review, SLR dengan memberi tumpuan kepada artikel jurnal ilmiah yang telah melalui proses semakan peer-reviewed dan merupakan artikel akses terbuka Open Access. Pemilihan artikel adalah berdasarkan kepada kandungan yang membincangkan secara empirikal teori dan model dan yang diaplikasikan dalam kajian berkaitan reka bentuk batik Malaysia. Semua artikel yang dianalisis merupakan penerbitan akses terbuka dalam bidang seni, budaya dan reka bentuk, serta ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Sementara itu, artikel jurnal bukan akses terbuka, yang ditulis dalam bahasa selain Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu yang berasal dari negara lain, serta prosiding, kertas persidangan, tesis atau buku, telah dikecualikan. Kajian ini mengambil kira penerbitan di hadkan dari tahun 2015 sehingga tahun 2025, bagi memastikan dapatan yang dianalisis adalah terkini dan relevan dengan perkembangan semasa. Kriteria pemilihan dan penerimaan artikel disenaraikan dalam *Jadual 1*.

**Jadual 1. Kriteria pemilihan dan penerimaan artikel.**

Kriteria	Pemilihan	Pengecualian
Jenis dokumen	Artikel jurnal	Prosiding, kertas persidangan, tesis atau buku
Garis masa penerbitan	2015 sehingga tahun 2025	2014 dan ke bawah
Bahasa	Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu	Selain Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu
Negara	Malaysia	Selain Malaysia
Akses	Akses terbuka	Selain akses terbuka

### **Sumber pangkalan data**

Sumber data yang digunakan dalam kajian ini adalah daripada media elektronik dalam semua bidang. Pangkalan data yang digunakan untuk pencarian artikel adalah melalui Scopus dan Google Scholar. Pemilihan pangkalan data ini dibuat kerana artikel yang dirujuk mempunyai impak tinggi dan sering dijadikan rujukan dalam kajian-kajian lain.


### **Carian**

Menurut Rahman et al. (2023), penggunaan kata kunci semasa fasa pengenalan semakin banyak kata kunci yang digunakan, semakin tinggi potensi untuk memperoleh lebih banyak artikel daripada pangkalan data. Strategi carian telah dilaksanakan secara sistematik dengan menggunakan pangkalan data Google Scholar dan Scopus. Kata kunci yang digunakan termasuk: "batik design", "Malaysian batik", "theory", "model", "cultural heritage" dan "cultural identity". Gabungan kata kunci ini diguna bersama operator Boolean seperti AND, OR, dan "quotation marks" untuk memastikan hasil carian yang relevan dan tepat. Tempoh carian dihadkan dari tahun 2015 hingga 2025 bagi menekankan perkembangan terkini dalam kajian reka bentuk batik, seni dan warisan budaya. Beberapa limitasi carian telah ditetapkan mengikut kriteria pemilihan yang ditentukan. Keputusan carian adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Jadual 2*. Analisis data dimulakan dengan menyusun semua maklumat artikel jurnal

menggunakan Microsoft Excel. Fasa pengenalpastian adalah fasa awal dilaksanakan di mana rekod daripada pencarian sumber pengkalan data menerusi Scopus diperolehi sebanyak 46 artikel manakala rekod daripada pencarian sumber pengkalan data menerusi Google Scholar adalah sebanyak 567 artikel dengan jumlah hasil daripada kedua-dua pengkalan data adalah sebanyak 613 artikel penuh. Seterusnya fasa saringan dilakukan yang mana terdapat sebanyak 569 rekod terkecuali bersebab dikeluarkan telah dinilai berdasarkan beberapa sebab seperti artikel berulang, artikel selain Malaysia, artikel bukan akses terbuka dan tajuk kajian tidak berkaitan. Artikel berulang dari Google Scholar dibuang dan artikel dari Scopus dikekalkan. Hasil daripada saringan yang telah dijalankan sebanyak 44 artikel telah di pilih untuk ke fasa kelayakan. Di fasa ini hanya 13 artikel sahaja yang dipilih dan menepati fokus kajian manakala 31 daripadanya telah dikeluarkan disebabkan isi kandungan dan penulisanya yang tidak menepati fokus kajian yang dijalankan. Oleh itu 13 artikel ini sesuai dan layak dibincangkan di dalam fasa kemasukan. *Rajah 1* menunjukkan carta alir PRISMA dalam proses semakan secara sistematik dijalankan dalam kajian ini.

**Jadual 2.** Hasil kajian carian awal.

Item carian	Pengkalan data	Limitasi carian	Dapatan
("batik design" OR "Malaysian batik") AND ("theory" OR "model") AND ("cultural heritage" OR "cultural identity")	Scopus	Artikel jurnal 2015-2025	46
("batik design" OR "Malaysian batik") AND ("theory" OR "model") AND ("cultural heritage" OR "cultural identity")	Google Scholar	Artikel jurnal 2015-2025	567



**Rajah 1. Carta Alir PRISMA.**

### Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berikut merupakan hasil dapatan daripada proses pencarian artikel yang telah dilaksanakan menggunakan kaedah tinjauan literatur sistematik berpandukan aliran PRISMA. Sebanyak 613 artikel telah dikenal pasti hasil daripada carian menggunakan kata kunci dalam pencarian artikel melalui pangkalan data elektronik terpilih. Daripada jumlah tersebut, 46 artikel diperoleh melalui pangkalan data Scopus, manakala 567 artikel lagi diperoleh daripada Google Scholar. Perincian lanjut ditunjukkan dalam *Jadual 3*. Sebanyak 613 artikel telah dikenal pasti melalui carian menggunakan kata

kunci (“batik design” OR “Malaysian batik”) AND (“theory” OR “model”) AND (“cultural heritage” OR “cultural identity”) dalam dua pangkalan data terpilih. Daripada jumlah tersebut, 567 artikel (92%) diperoleh melalui Google Scholar, manakala 46 artikel (8%) diperoleh daripada Scopus. Dapatan ini menunjukkan bahawa Google Scholar memberikan hasil carian yang lebih banyak berbanding Scopus untuk kata kunci yang digunakan. Proses saringan awal telah dilakukan bagi membuang rekod pendua, di mana hanya artikel daripada Scopus dikekalkan, manakala daripada Google Scholar telah dikeluarkan. Hasil saringan ini menghasilkan 241 artikel yang kekal untuk penilaian lanjut. Sebanyak 372 artikel telah dikecualikan, berdasarkan beberapa kriteria seperti artikel berulang, kajian yang tidak berkaitan dengan konteks Malaysia, serta artikel yang bukan akses terbuka. Daripada 241 artikel yang telah melalui proses saringan awal ini, hanya 44 artikel dikekalkan selepas penilaian kandungan secara terperinci. Sebanyak 197 artikel telah dikecualikan dalam peringkat ini atas beberapa sebab yang telah dikenal pasti. Antara kriteria pengecualian termasuklah tajuk kajian yang tidak berkaitan secara langsung dengan fokus kajian. Namun begitu hanya 13 artikel penuh dipilih untuk kelayakan secara menyeluruh. Sebanyak 31 artikel telah dikecualikan pada peringkat ini atas sebab-sebab seperti tidak menepati serta isi kandungan yang tidak sejajar dengan fokus kajian.

**Jadual 3.** Peratusan bilangan artikel yang ditemui daripada dua pangkalan data (Scopus dan Google Scholar).

Item carian	Pangkalan data	Bilangan artikel	Peratusan
(“batik design” OR “Malaysian batik”) AND (“theory” OR “model”) AND (“cultural heritage” OR “cultural identity”)	Scopus	46	8%
(“batik design” OR “Malaysian batik”) AND (“theory” OR “model”) AND (“cultural heritage” OR “cultural identity”)	Google Scholar	567	92%
Jumlah keseluruhan		613	100%

### **Jumlah artikel yang digunakan**

Sebagai langkah terakhir, analisis data telah dilaksanakan bagi mengenal pasti artikel yang benar-benar layak untuk dimasukkan ke dalam fasa kemasukan dan seterusnya dijadikan asas perbincangan. *Jadual 4* memperincikan bilangan artikel yang telah dipilih untuk menyokong dapatan dalam bahagian perbincangan. Hasil analisis mendapati bahawa jumlah artikel yang layak untuk dibincangkan daripada pangkalan data Google Scholar adalah sebanyak 12 artikel, mewakili 92% daripada keseluruhan artikel yang dipilih. Sementara itu, hanya 1 artikel (8%) diperoleh daripada pangkalan data Scopus. Berikut adalah data artikel yang layak dan telah diringkaskan secara bersistematik seperti *Jadual 5*.

**Jadual 4.** Peratusan artikel penuh dipilih untuk kelayakan di fasa kemasukan.

Pangkalan data	Bilangan artikel	Peratusan
Scopus	1	8%
Google Scholar	12	92%
Jumlah keseluruhan	13	100%

**Jadual 5.** Hasil kajian penggunaan dan cadangan teori dan model dalam kajian reka bentuk batik Malaysia.

No	Tajuk artikel	Penulis dan tahun	Kaedah kajian	Teori/model digunakan dan dicadangkan
1	Adoption of Digital Marketing Technology: A Case Study of Terengganu SME Batik Entrepreneurs	Rosli dan Juhdi (2024)	Kualitatif dengan kaedah kajian kes	Model kaedah induktif Miles, Huberman dan Saldana
2	Sustaining Batik Craft Design in Malaysia using Indigenous Creative Knowledge	Shaari dan Rahman (2017)	Kualitatif	Mencadangkan model budaya yang spesifik dan relevan dengan reka bentuk batik iaitu model persepsi terhadap artifak batik merangkumi lima komponen: Memori, Keperluan Budaya, Identiti, Hierarki, dan Estetika
3	The Spirit and Elements of Malaysian Multiculturalism in Chuah Thean Teng's Batik Paintings	Wenyan et al. (2023)	Kualitatif dan pendekatan sejarah	Erwin Panofsky's Teori Ikonografi
4	Batik in Visual Art	Shamsuddeen dan Wan (2021)	Kualitatif	Malay aesthetic theory of beauty oleh Zakaria Ali
5	Batik as a Site for Performing National Identity: A Comparative Critical Discourse Analysis	Ramlan (2019)	Korpus linguistik & CDA	Critical Discourse Analysis (CDA); Discourse-Historical Approach (DHA) model
6	Classification of Malaysian and Indonesian Batik Designs Using Deep Learning Models	Manap et al. (2024)	Analisis kuantitatif berasaskan data (Data-Driven Quantitative Analysis)	Convolutional Neural Network (CNN); YOLO-v8, MobileNet v2, LeNet-5
7	The Design and Identity of Batik Tulis Product Selected of Batik Manufacturers in Klang Valley	Abdullah (2020)	Kualitatif	Teori Estetika Zakaria Ali (Berhalus, Berguna, Bersatu, Berlawanan, Berlambang)
8	Intertwining Threads of Sustainability: A Comparative Study of Ryukyu Bingata and Kasuri with Terengganu Batik and Songket	Ahmad (2024)	Kualitatif dengan kaedah kajian kes	Agenda 2030 (SDGs); cadangan semakan teori konservasi warisan
9	The Competitive Advantages of the Malaysian Batik Workshop	Karmagatri (2024)	Kuantitatif (NLP, Data Mining)	Latent Dirichlet Allocation (LDA)
10	The Sustainability of Flora, Fauna and Geometric Motif Designs Among Batik Tulis Manufacturers in Klang Valley	Abdullah dan Samin (2020)	Kualitatif (Temubual, Pemerhatian, Tipografi Proses)	Teori Estetika Zakaria Ali (Berhalus, Berguna, Bersatu, Berlawanan, Berlambang)
11	The Sustainability's Motif and Design of Fauna in Malay Block Batik	Kari et al. (2019)	Kualitatif (Temubual, Tipologi, Fieldwork)	Teori Estetika Zakaria Ali (Berhalus, Berguna, Bersatu, Berlawanan, Berlambang)
12	The Breezy Batik Perfect-10 Carry All: Promoting Safe Travel Behaviour	Ngali et al. (2023)	Kualitatif dengan kajian kes dan kuantitatif	Design Thinking Model
13	Interpreting Motif and Pattern in Mohd Nor Mahmud Painting Batik: Pakai Semutar Kain Lepas	Razak et al. (2020)	Kualitatif (Pemerhatian bahan dan teknik, penelusuran motif dan komposisi, analisis visual deskriptif dan formalistik)	Model Empat Langkah Kritikan Seni; Teori Estetik Formalistik

Analisis literatur sistematik yang memfokuskan kepada penggunaan dan cadangan teori dan model dalam kajian reka bentuk batik Malaysia. Melalui semakan terhadap tiga belas artikel terpilih, didapati bahawa penyelidik sebelum ini telah mengaplikasikan pelbagai pendekatan teori dan model, merangkumi teori tempatan, teori Barat, model estetik, model analisis visual, serta pendekatan teknologi seperti model pembelajaran menggunakan teknologi mesin. Perbincangan ini disusun berdasarkan tema utama iaitu: (1) penggunaan teori dan model tempatan, (2) penggunaan teori dan model antarabangsa, (3) cadangan atau adaptasi model khusus terhadap batik Malaysia, serta

(4) jurang atau kekurangan teori yang kontekstual terhadap warisan dan reka bentuk batik tempatan.

### ***Penggunaan teori dan model tempatan dalam kajian reka bentuk batik***

Sebahagian besar kajian yang dianalisis menunjukkan penggunaan teori estetik tempatan yang diperkenalkan oleh Zakaria Ali. Teori estetika ini terdiri daripada lima prinsip iaitu berhalus, berguna, bersatu, berlawanan, dan berlambang telah digunakan dalam kajian oleh Abdullah (2020) serta Kari et al. (2019), untuk menilai kelestarian reka bentuk flora, fauna dan geometri. Teori ini membantu menganalisis kesesuaian reka bentuk tradisional dalam konteks moden dan kelestarian budaya. Rabiatuadawiyah Kari et al. (2019) fokus kepada motif fauna dalam batik blok Melayu. Pendekatan teori ini memudahkan penstrukturan data berasaskan persepsi estetik dan budaya pengkarya. Oleh itu dapat dijelaskan bahawa teori ini dapat membentuk kerangka penting dalam memahami nilai, makna dan komposisi seni dalam reka bentuk batik tulis, khususnya dari perspektif tempatan yang mengangkat nilai budaya dan simbolisme Melayu.

### ***Penggunaan teori dan model antarabangsa dalam kajian batik Malaysia***

Selain teori tempatan, beberapa kajian turut mengaplikasikan teori dan model antarabangsa untuk menganalisis reka bentuk batik dari sudut simbolisme, estetika dan identiti. Sebagai contoh, kajian oleh Wenyan et al. (2023) menggunakan teori ikonografi Erwin Panofsky bagi memahami elemen visual dalam lukisan batik Chuah Thean Teng. Teori ikonografi ini digunakan untuk menganalisis simbolisme dalam karya batik lukisan oleh Chuah Thean Teng. Ia berfungsi untuk menguraikan makna tersembunyi melalui tiga peringkat analisis: pra-ikonografi, ikonografi, dan ikonologi. Ia sangat berguna untuk memahami lapisan makna dalam motif dan naratif visual batik. Manakala Kris Ramlan pula mengaplikasikan Critical Discourse Analysis (CDA) dan Discourse Historical Approach (DHA) bagi meneliti naratif identiti nasional dalam wacana berkaitan batik. Tambahan pula, pendekatan Design Thinking Model digunakan dalam konteks promosi tingkah laku melalui reka bentuk produk batik, seperti dalam kajian oleh Ngali et al. (2023). Penggunaan teori antarabangsa ini membuktikan kebolehlaksanaan kerangka luar dalam memahami konteks tempatan, namun penyesuaian kepada nilai budaya setempat masih diperlukan agar interpretasi lebih tepat dan signifikan.

### ***Cadangan dan adaptasi model baharu dalam konteks batik Malaysia***

Beberapa penyelidik tidak sekadar menggunakan teori atau model sedia ada, tetapi turut mencadangkan kerangka baharu yang lebih kontekstual terhadap budaya dan reka bentuk batik Malaysia. Kajian oleh Shaari dan Rahman (2017) misalnya, memperkenalkan satu model budaya khusus terhadap persepsi artifak batik yang mengandungi lima komponen iaitu Memori, Keperluan Budaya, Identiti, Hierarki, dan Estetika. Model ini merupakan antara usaha awal membina teori tempatan yang lebih holistik, berpaksikan nilai budaya yang diwarisi. Selain itu juga model ini antara sumbangan tempatan yang paling relevan dalam konteks reka bentuk batik Malaysia. Ia membentuk satu kerangka analisis terhadap artifak batik sebagai medium budaya. Kelima-lima komponen tersebut mencerminkan kedalaman batik sebagai penyampai nilai, bukan sekadar objek hiasan. Cadangan semakan terhadap teori konservasi warisan dalam konteks perbandingan antara batik Malaysia dan Jepun seperti yang dibincangkan

oleh Ahmad (2024), menunjukkan keperluan memperbaharui teori sedia ada supaya lebih responsif terhadap isu kelestarian dan perbandingan antarabangsa

### ***Jurang teori dan keperluan pemantapan model tempatan***

Hasil analisis juga mendapati masih wujud jurang teori dalam banyak kajian batik Malaysia, terutamanya yang tidak mengemukakan sebarang teori atau model yang konkrit. Beberapa kajian hanya menumpukan aspek deskriptif atau visual tanpa mendasarkannya kepada kerangka teori yang tersusun, menyebabkan interpretasi lebih bersifat subjektif dan kurang objektiviti akademik. Walaupun pendekatan kualitatif yang digunakan adalah sesuai, namun kekurangan teori menyukarkan penyelidik membuat perbandingan, klasifikasi atau generalisasi yang lebih kukuh. Justeru, wujud keperluan untuk membina atau menambah baik model teori tempatan yang mampu menyokong analisis reka bentuk batik secara sistematik, terutamanya dalam menghadapi cabaran kontemporari seperti globalisasi, digitalisasi dan kelestarian.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, dapatan analisis literatur sistematik ini menunjukkan bahawa teori dan model dalam kajian reka bentuk batik Malaysia masih berada pada tahap perkembangan yang pelbagai, dengan penggunaan teori tempatan dan antarabangsa secara seimbang. Walau bagaimanapun, teori tempatan seperti Teori Estetika Zakaria Ali dan Model Budaya Lima Komponen oleh Nazlina Shaari dan Khairul Aidil Azlin memainkan peranan penting dalam membina naratif budaya yang berakar umbi dalam konteks Malaysia. Pada masa yang sama, adaptasi teori antarabangsa seperti ikonografi Panofsky, CDA, dan Design Thinking Model membuktikan kebolehlaksanaan pendekatan luar dalam memahami naratif batik. Namun begitu, kebergantungan terhadap teori luar tanpa pengadaptasian budaya yang sesuai boleh menjejaskan ketepatan interpretasi dalam konteks tempatan. Kajian ini juga mendapati terdapat jurang dalam penggunaan teori yang sistematik, di mana sebahagian penyelidikan cenderung bersifat deskriptif dan tidak mendasari analisis mereka dengan kerangka teori atau model. Keadaan ini menandakan keperluan mendesak untuk membina atau memantapkan teori dan model yang berpaksikan nilai tempatan, khususnya dalam menyokong kelangsungan dan kelestarian reka bentuk batik Malaysia sebagai warisan budaya negara.

### **Penghargaan**

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

### **Konflik Kepentingan**

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

## **RUJUKAN**

- [1] Abdullah, A.H. (2020): The design and identity of batik tulis product selected of batik manufacturers in Klang Valley. – *Idealogy Journal* 5(2): 3-163.
- [2] Abdullah, A.H., Samin, M.A. (2020): The sustainability of flora, fauna and geometric motif designs among batik tulis manufacturers in Klang Valley. – *International Journal of Heritage, Art and Multimedia* 3(9): 11-24.
- [3] Ahmad, M.F. (2024): Intertwining threads of sustainability: A comparative study of Ryukyu Bingata and Kasuri with Terengganu batik. – *Proceedings of the International Scientific Research Congress* 2(1): 269-287.
- [4] Ariffin, N., Yusof, M. (2021): Innovation strategies in batik design: Challenges and opportunities in modern batik production. – *Jurnal Reka Bentuk* 13(2): 75-89.
- [5] Arifin, N.A.M., Mokhtar, S.A., Fauzi, S.N.A., Nordin, W.N.N. (2023): Seni tradisional batik sebagai tunjang warisan negeri Kelantan. – *Jurnal Kajian Lisan Malaysia* 2(1): 1-9.
- [6] Baluku, M.K. (2024): Art and neuroaesthetics: Understanding the brain's response to art. – *Journal of Education* 3(2): 6-11.
- [7] Barrett, T. (2011): *Criticizing art: Understanding the contemporary*. – McGraw-Hill Education 208p.
- [8] Bujang, G.R., Subet, M.F. (2022): Pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa: Aplikasi semantik inkuisitif dan teori relevans. – *Practitioner Research* 3(2): 172-196.
- [9] Cooper, D.R., Schindler, P.S. (2006): *Business research methods*. – McGraw-Hill Irwin 744p.
- [10] Kamis, N.S., Isa, M.M., Noor, N.S.M. (2023): Sorotan literatur sistematik: Kekangan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) di Malaysia. – *Tarbawiy: Malaysian Online Journal of Education* 7(2): 33-44.
- [11] Kari, R.B.M., Samin, M.A., Legino, R. (2019): The sustainability's motif and design of fauna in Malay block batik. – *Proceedings of the First International Conference on Social Sciences, Humanities, Economics and Law* 2(1): 1-11.
- [12] Karmagatri, M., Darisman, A., Widiyanto, M.H., Hasan, H., Sari, R.K., Jumbri, I.A. (2024): The competitive advantages of the Malaysian batik workshop. – *Proceedings of the 2024 IEEE 4th International Conference on ICT in Business, Industry & Government* 4(1): 1-4.
- [13] Kerlinger, F.N. (1973): *Foundations of behavioral research*. – Holt, Rinehart and Winston 741p.
- [14] Kruk, J., Ziems, C., Yang, D. (2023): Impressions: Understanding visual semiotics and aesthetic impact. – *ArXiv* 13(5): 1-19.
- [15] Manap, N.A., Xiao Xuan, L., Singh, K.K., Sheikh Akbari, A., Putra, A. (2024): Classification of Malaysian and Indonesian batik designs using deep learning models. – *Journal of Telecommunication, Electronic and Computer Engineering* 16(4): 23-30.
- [16] Mohmad, A.F., Sidek, M.S.M., Rosli, R., Maat, S. M., Mahmud, M.S. (2023): Tinjauan Strategi menangani Diskalkulia melalui Sorotan Literatur Sistematik. – *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia* 13(2): 11-24.
- [17] Naser, F.L., Khairi, H., Legino, R., Rosman, R. (2021): Cultural consciousness: A case study of dying art on Batik Block in Malaysia. – *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 6(15): 111-118.
- [18] Ngali, N., Rahmat, N., Ramli, N., Ghani, F.A., Dzulkefli, N.N.S.N. (2023): The Breezy Batik Perfect-10 Carry All: Promoting safe travel behaviour. – *Malaysia Journal of Invention and Innovation* 2(5): 8-15.
- [19] Rahman, A.A., Sukari, A., Shakor, M.F.A., Shamsuddin, S.S.S., Yusof, Z.A.M (2023): Systematic literature analysis on the determination of the distribution of poverty aid to the B40 group in Malaysia. – *Journal of Fatwa Management and Research* 28(2): 1-17.
- [20] Ramlan, K. (2019): Batik as a site for performing national identity: A comparative critical discourse analysis. – *Proceedings of the 2nd International Seminar on Malay Education, Literature and Culture* 2(1): 808-903.

- [21] Ramli, H., Said, T.S. (2024): The Transformation of the Art of Batik Painting in Malaysia: Combining Tradition and Innovation Through Contemporary Batik Painting. – KUPAS SENI Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni 12(2): 1-9.
- [22] Razak, H.A., Legino, R., Samuri, B. (2020): Interpreting the batik motif and pattern in Mohd Nor Mahmud's painting: Pakai Semutar Kain Lepas. – International Journal of Art & Design 2(4): 27-31.
- [23] Rosli, R.H., Juhdi, N.H. (2024): Adoption of digital marketing technology: A case study of Terengganu SME batik entrepreneurs. – Asia-Pacific Journal of Information Technology and Multimedia 13(2): 150-165.
- [24] Salim, S.B. (2024): Preservation of Malaysian batik heritage: Balancing traditional techniques and digital innovation through intellectual property protection. – Journal of Propulsion Technology 45(3): 10-20.
- [25] Shaari, N., Rahman, K.A.A. (2017): Sustaining batik craft design in Malaysia using indigenous creative knowledge. – Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities 25(1): 81-88.
- [26] Shaffril, H.A.M., Samah, A.A., Samsuddin, S.F., Ali, Z. (2019): Mirror-mirror on the wall, what climate change adaptation strategies are practiced by the Asian's fishermen of all. – Journal of Cleaner Production 23(2): 104-117.
- [27] Shahbuddin, Z.H.S., Gunardi, S. (2023): Systematic literature review (SLR) on the role of mosque institutions in Malaysia. – Journal of Islamic Social Sciences and Humanities 29(2): 54-71.
- [28] Shamsuddeen, S., Wan, W.S.A. (2021): Batik in visual art. In Design Decoded 2021. – International Conference on Design Industries & Creative Culture 2(1): 1-10.
- [29] Suhaimi, S.M.S.S.M., Ariffin, W.N.J.W., Ahmad, M.F., Ibrahim, M.A., Pauzi, H.M., Ghazalli, F.S., Yusof, N.M. (2023): Digitalization of Handicraft Entrepreneurship in Malaysia. – International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences 13(5): 58-68.
- [30] Wenyan, G., Wan Samiati Andriana, W.S.A., Tahir, A. (2023): The spirit and elements of Malaysian multiculturalism in Chuah Thean Teng's batik paintings. – Ideology Journal 8(2): 191-202.
- [31] Widadi, Z. (2019): Pemaknaan batik sebagai warisan budaya tak benda. – Jurnal PENA 33(2): 17-26.
- [32] Zeki, S. (2008): Neuroesthetics: Neuroscientific theory and illustration from the arts. – Interdisciplinary Science Reviews 33(2): 128-136.